

24 JUL 2000

Mahathir-BN

MESYUARAT BN ESOK BINCANG PERMOHONAN BEBERAPA PARTI SERTAI BN

PUTRAJAYA, 24 Julai (Bernama) -- Mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) esok akan membincangkan permohonan beberapa parti untuk menyertai komponen itu, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Ada beberapa parti belum menjadi anggota BN tetapi menyokong BN. Sekarang mereka minta jadi anggota BN," katanya kepada pemberita selepas berdialog dengan kira-kira 150 wakil pertubuhan wanita di sini.

Ditanya sama ada Barisan Progresif India (IPF) yang dipimpin bekas naib presiden MIC, Datuk M.G. Pandithan sebagai salah satu daripadanya, Dr Mahathir berkata IPF merupakan salah satu daripada mereka yang berminat.

"Ada juga IPF, ada juga lain. Tapi saya tak tahu, saya tak tengok sama ada IPF ada buat permohonan," tambah beliau.

Permohonan IPF untuk menyertai BN yang kini mempunyai 14 parti gabungan itu ditolak sebelum ini kerana mendapat bantahan daripada MIC.

Ditanya sama ada pilihan raya negeri Sarawak akan turut dibincangkan pada mesyuarat itu, Dr Mahathir yang juga pengerusi BN berkata ia tidak ada dalam agenda.

Mengenai kemungkinan berlakunya rombakan Kabinet, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengetahuinya.

"Tak dengar pun, saya kadang-kadang kena tunggu press bagi tahu saya," kata beliau.

Selain membincangkan permohonan beberapa parti menyertai BN, Dr Mahathir berkata mesyuarat itu juga akan membincangkan masalah-masalah yang dihadapi komponen itu di zaman ini.

Menurut beliau, ia berkaitan dengan sokongan kepada parti dan kerajaan serta perbezaan pandangan antara parti-parti komponen yang melemahkan BN.

Mengenai dialog tiga jam itu, Dr Mahathir berkata beliau mendengar pelbagai pandangan, rintihan serta cadangan-cadangan yang berkaitan dengan kepentingan wanita di negara ini.

Antaranya, tabung perniagaan untuk wanita, layanan khas untuk mereka dalam belanjawan dan rancangan lima tahun, pusat penyelidikan mengenai wanita dan masalah mereka, pelaksanaan undang-undang syariah dan ketidakadilan pada wanita.

"Semua ini kita telah catit dan kita harap dapat cari jalan atasinya. Kerajaan akan timbang cadangan-cadangan mereka dan jika kita berpendapat ia baik, kita akan laksanakannya," tambah beliau.

Dr Mahathir juga berkata Hari Wanita 2000 yang bertemakan "Wanita 2000: Nur

-Bermula Denganmu" akan diadakan pada 25 Ogos ini.

Turut hadir pada dialog itu ialah isteri beliau Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Jalil.

-- BERNAMA

AR PR